

## Pensyarah FPSK Cemerlang Pada 3rd Malaysian Nursing Council-International Nursing Conference 2018

Terakhir dikemaskini: Selasa, 09 Oktober 2018 16:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1274

Kongsi 210

Syorkan 210

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 9 OKTOBER**  
 – Pensyarah  
 Fakulti  
 Perubatan  
 dan Sains  
 Kesihatan  
 (FPSK),  
 Universiti  
 Malaysia  
 Sabah  
 (UMS),  
 Chong Li Tsu  
 meraih

kecemerlangan pada 3<sup>rd</sup> Malaysian Nursing Council-International Nursing Conference 2018 apabila memenangi Anugerah Persembahan Oral Terbaik pada acara tersebut.

Bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau yang merupakan pensyarah Program Kejururawatan menyampaikan persembahan bertajuk '*Smartphones Usage as Learning Aid among Nursing Students in Universiti Malaysia Sabah*'.

Kejayaan itu menyaksikan beliau mengatasi 33 peserta dalam dan luar negara yang telah menyertai pertandingan dalam kategori tersebut.

Dalam pada itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree ketika mengulas tentang kejayaan tersebut berkata, kemenangan ahli akademik FPSK khususnya di peringkat antarabangsa akan membantu menaikkan lagi imej UMS di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Diharapkan kejayaan sebegini akan terus dicapai secara konsisten oleh Pensyarah FPSK pada masa akan datang demi memartabatkan lagi nama UMS di peringkat dunia,” ujar beliau.